

MEOR ABDUL RAHMAN: KONSEP TEMPUR SENI GAYONG DAN INOVASI SILAT MELAYU

(MEOR ABDUL RAHMAN: FIGHTING CONCEPTS IN SENI GAYONG AND INNOVATIONS IN THE MALAY MARTIAL ARTS)

Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Pengertian silat selalu berbeza mengikut pemahaman dan falsafah sesebuah perguruan silat, termasuk daripada aspek tempur. Sejak beberapa dekad lalu, kajian mengenai silat kerap tertumpu pada persoalan seni dan falsafah mistik. Namun begitu, kurang sekali yang cuba mendalami ilmu tempur orang Melayu yang terkandung dalam perlakuan silat itu sendiri. Justeru, artikel ini, melalui pendekatan etnosejarah, cuba mengemukakan beberapa maklumat penting dalam usaha untuk meneliti konsep tempur orang Melayu dan kepentingannya kepada perkembangan konsep dan institusi silat berdasarkan kes aliran seni gayong Dato' Meor Abdul Rahman. Dengan berpandukan kepada bahan-bahan arkib dan kepustakaan, artikel ini mencadangkan bahawa sejak dari awal, aliran seni gayong telah menekankan tentang konsep keberkesanan tempur berasaskan pengertian 'gayong'. Konsep ini digunakan untuk mendefinisi semula makna silat Melayu agar bertepatan dengan situasi semasa. Ia juga dilihat penting kerana dapat mentakrif realiti kepakaran teknikal ilmu perang Melayu sehingga dilihat mencapai suatu tahap patriotisme bagi aliran seni gayong. Dengan demikian, artikel ini diharap dapat memberikan pencerahan tentang sebahagian daripada ilmu teknikal orang Melayu yang patut diteliti dan diangkat sebagai warisan kearifan yang perlu dilestari.

Kata kunci: Silat, konsep tempur, beladiri Melayu, ilmu teknikal, patriotisme.

Abstract

Silat takes on different meanings in accordance with the understanding and philosophy of its particular disciplines, including aspects of combat skills. Over past decades, the focus of research on silat are on the art itself and its philosophical mysticism. However, there is very little that addresses the deeper meaning within silat movements. Using an ethnohistorical approach, this article is an attempt to investigate the concept of combat in Malay martial arts, and its importance to the development of the concept and the institution of silat itself – as illustrated by the case of Dato’ Meor Abdul Rahman and seni gayong. Based on archive and library research, this article suggests that in the seni gayong school, the concept of combat effectiveness is emphasized at the very beginning of training, based on their understanding of the concept of ‘gayong’. This concept is used to redefine the meaning of Malay silat so that it alignes with current situations. It is also seen as crucial because it helps define the needs of technical expertise in the Malay art of war and is perceived as helping to achieve a level of patriotism within the discipline. Thus, this article aims to provide insights into some aspects of technical knowledge Malay silat practitioners which need to be studied and preserved as a legacy of traditional wisdom.

Keywords: Silat, concept of fighting, Malay martial arts, technical knowledge, patriotism.

Pendahuluan

Sejak Konvensyen Seni Silat Melayu yang pertama diadakan di Pulau Pinang pada tahun 1973, usaha untuk menyelidiki silat Melayu semakin bertambah. Konvensyen tersebut sebenarnya mengharapkan sinergi tenaga luar biasa para ahli akademik dan pengamal silat di Malaysia untuk mengangkat silat atau seni beladiri orang Melayu sebagai suatu bidang ilmu yang bersifat ‘saintifik’ – tetapi hal ini tidak berjaya. Walau bagaimanapun, ia ternyata sedikit sebanyak memberikan pulangan positif dari sudut percambahan idea dan ilmu, juga sebagai suatu wahana

memperoleh sumber bahan dokumentasi menerusi penyelidikan-penyelidikan mengenai silat yang agak kecil jumlahnya. Dalam beberapa dekad yang lalu, penelitian mengenai silat banyak tertumpu pada persoalan seni (tari dan gerak langkah), falsafah mistik, dan begitu juga dengan sejarah perguruan, tetapi kurang sekali mendalami konsep tempur Melayu yang terkandung dalam perlakuan silat itu sendiri. Penelitian-penelitian itu pula tidak bersifat seratus peratus akademik. Malah jika menurut Tsunashima (2004), kajian mengenai silat di Malaysia dalam tempoh 30 tahun yang lalu, hampir tergelincir daripada landasan akademik. Mujur dengan adanya kajian-kajian terbaharu oleh Tsunashima, Farrer (2009) dan beberapa penyelidik tempatan telah menampakkan banyak usaha untuk mengubah senario tersebut.

Silat merupakan ilmu beladiri yang diakui sebagai hak bangsa Melayu. Namun pengertiannya berbeza mengikut pemahaman dan falsafah sesebuah perguruan silat. Jika ditelusuri tradisi lisan guru-guru silat, akan didapati pelbagai makna dikaitkan dengan perkataan silat, bahkan ada yang menyimpang daripada prinsip ilmu beladiri (Sheikh 2005).¹ Secara umum, silat dikatakan sebagai seni (permainan) kepandaian serta ketangkasan melawan dan mempertahankan diri. Draeger (1972), seorang pakar seni beladiri yang terkenal mentakrif silat sebagai latihan persendirian yang bebas dari segi gerak fizikal atau pertempuran sebenar dengan musuh, manakala Ku Ahmad dan Wong (1978) pula mengaitkan silat dengan kehalusan seni dan nilai estetika gerakannya. Walau bagaimanapun, silat dalam pengertian yang lebih mudah dapat dikonsepsikan sebagai sejenis kaedah beladiri yang secara fizikalnya terdiri daripada sejumlah teknik serang dan bela, di mana teknik itu dihiasi dengan kelembutan seni dan keindahan gerak tetapi mengelirukan, yang tercipta dalam suasana kehidupan budaya dan alam pemikiran orang Melayu.

¹ Contohnya ada guru yang mengatakan silat daripada perkataan kilat, maka orang yang memiliki kemahiran beladiri dan ketangkasan dipanggil 'si kilat'. Ada pula mengaitkan dengan perkataan silaturahim, atau pedang ('silah' dalam bahasa Arab). Ada juga yang mentafsir daripada kesalahan sikap membela diri, iaitu silap langkah atau langkah sumbang dan berdasarkan falsafah silap dan silau (tidak nampak atau terkeliru) dan sebagainya.

Orang Melayu di Malaysia memanggil silat dengan istilah 'seni silat', manakala di Indonesia, ia popular dengan istilah 'pencak silat'. Sehubungan itu, ada pula pengkaji yang melihat silat sebagai 'seni pencak silat' dengan memberikan maknanya sebagai 'gabungan ilmu seni (keindahan gerak) dan bela diri' (Anuar 1996). Hal ini dinilai dari sudut fungsinya yang dipecahkan kepada dua elemen utama; iaitu silat seni (atau silat tari) dan silat buah. Bagi seorang lagi pengkaji silat Melayu, iaitu Tuan Ismail (1991), beliau memecahkannya kepada silat seni, dan pecahan unsur beladiri; iaitu silat jatuh dan silat buah. Tuan Ismail berpendapat bahawa silat seni (atau silat tari, silat pulut atau juga silat medan) bertujuan sebagai alat hiburan semata-mata, manakala silat jatuh pula mempunyai elemen beladiri tetapi menitikberatkan gaya pertandingan seperti yang terdapat di Kelantan; dan silat buah, merupakan pelajaran pukulan dan teknik membela diri yang sebenar dalam pergaduhan.

Antara kebanyakan tipologi silat yang telah disebutkan itu, artikel ini akan lebih menumpukan kepada 'silat buah'. Hal ini diusahakan sesuai dengan karekter silat buah sebagai suatu silat yang lebih menampakkan unsur beladiri, dalam konteks untuk meneliti tentang apakah yang dikatakan sebagai konsep tempur orang Melayu, serta kepentingan konsep tempur itu dan kaitannya terhadap perkembangan makna serta institusi silat itu sendiri. Silat buah di sini boleh diertikan sebagai pengetahuan mengenai kaedah pukulan, ataupun pelaksanaan sesuatu teknik dan taktik secara fizikal untuk menghadapi musuh berasaskan sistem serang dan bela yang realistik menurut falsafah sesebuah aliran silat. Dalam usaha untuk membicarakannya, artikel ini akan menyentuh secara kasar tentang konsep tempur orang Melayu dan hubungannya dengan proses 'pembaharuan makna' silat, dengan berdasarkan kepada contoh yang telah ditunjukkan oleh seorang tokoh silat di Malaysia. Tokoh tersebut ialah alahyarham Dato' Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Mohd Hashim (1915-1991) yang merupakan pengasas dan penganjur konsep tempur seni gayong menerusi alirannya, iaitu Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia. Dengan demikian, diharapkan agar kajian-kajian mengenai konsep tempur dan kepentingannya dalam aliran seni beladiri orang Melayu akan dapat didalami dan dikembangkan pada peringkat seterusnya.

Jatuh-Bangun Ilmu Tempur Orang Melayu

Sejarah asal bermulanya silat amat kabur jika diteliti daripada rekod-rekod bertulis.² Apa yang banyak didapati sehingga sekarang hanya berupa tradisi lisan sesebuah perguruan daripada guru-guru tua yang hidup sebelum zaman Perang Dunia Kedua.³ Sejarah ini diperturunkan daripada satu generasi ke generasi dan sering bersandarkan kepada jurai keturunan panglima atau pahlawan Melayu khususnya mereka yang terlibat menentang penjajahan. Dalam konteks ini, silat yang diwarisi itu sering digambarkan secara ideal memiliki kekuatan dan hikmat yang tinggi. Jika dirujuk teks-teks kesusasteraan Melayu lama, banyak sekali kisah yang menceritakan tentang satu-satu watak yang mempelajari ilmu perajurit dan hulubalang daripada guru yang memiliki hikmat tinggi seperti pertapa, sebagaimana yang pernah dilukiskan dalam *Hikayat Hang Tuah*. Diceritakan bahawa Hang Tuah mempelajari ilmu daripada Sang Persata Nala dan Sang Aria Putera dengan latihan-latihan fizikal dan penggunaan senjata (Kassim 1995). Hang Tuah sampai sekarang dianggap sebagai legenda pakar tempur Melayu, di mana peribadi kepahlawanannya itu selalu disebut-sebut dan dicontohi dalam tradisi lisan silat.

Pada zaman dahulu, memang diakui bahawa usaha untuk mempelajari seni beladiri, ataupun dinamakan sebagai ilmu perajurit dan hulubalang sangat diberikan perhatian oleh kebanyakan lelaki setelah dewasa. Dalam hal ini, mereka tidak dikatakan mempelajari ilmu bertempur semata-mata, tetapi merangkumi keseluruhan ilmu yang berkait dengan aspek hidup, misalnya dari segi adat dan adap, pergaulan, agama, falsafah, pandangan hidup, termasuk juga aspek-aspek mistik seperti yang masih ditekankan dalam sebahagian besar aliran silat hari ini (Farrer 2009). Silat menjadi alat sosialisasi golongan muda untuk menempuh realiti hidup. Individu yang memiliki kemahiran bersilat dapat mengangkat taraf sosialnya sehingga diberikan jawatan. Mereka mempunyai peranan dan pengaruh dalam masyarakat. Gambaran seperti

² Bacaan yang menarik mengenai topik ini misalnya boleh ditinjau menerusi Abdul Rahman (2008: 17-25) dan Anuar (2008: 18-30).

³ Sejak era 1980-an sehingga sekarang, usaha mendokumentasi tradisi lisan aliran silat di Malaysia telah dimajukan oleh Azlan Ghanie, seorang jurnalis majalah *Pendekar* dan kini memiliki penerbitan sendiri yang menghasilkan majalah bulanan *Seni Beladiri* sejak tahun 1997. Beliau banyak menerbitkan cerita-cerita lisan guru-guru silat Melayu dalam majalah tersebut.

ini bukan hanya berlaku kepada Hang Tuah dan individu yang hidup pada zaman Melaka sahaja, bahkan sehingga abad ke-19. Dalam *Hikayat Pahang* misalnya, diceritakan bahawa ramai pemimpin dan hulubalang perang yang membantu Wan Ahmad dalam Perang Saudara Pahang (1857-1863) dilantik menjadi menteri dan pegawai baharu. Mereka juga dianugerahkan jajahan tertentu (Mohd & Aruna 1992). Sehingga kini pun dapat dilihat bahawa individu yang memiliki kemahiran bersilat merupakan antara individu yang disegani oleh ahli masyarakat sebagai 'orang yang berilmu' (Tsunashima 2004).

Dalam konflik bersenjata orang Melayu yang terjadi akibat penentangan terhadap penjajahan kuasa Barat, kebanyakannya dipimpin oleh golongan yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam beladiri (Farrer 2009). Tradisi-tradisi lisan perguruan silat juga menyebut peranan tokoh-tokoh pejuang sejak zaman Perang Naning, atau ketika zaman penentangan terhadap Inggeris di Perak, Pahang, Terengganu dan Kelantan; di mana mereka dikatakan mewariskan aliran perguruan masing-masing yang wujud sekarang. Tokoh-tokoh pejuang tersebut merupakan pemimpin yang berpengaruh. Mereka mampu menarik ramai sokongan dan berupaya meniupkan api perjuangan. Dalam konteks ini, karismatik para tokoh berkenaan banyak diilustrasikan oleh kepakaran mereka dalam silat, sehingga pengikut-pengikut mereka dikatakan turut dibekalkan dengan kemahiran teknikal dan semangat keberanian untuk menghadapi musuh yang jauh lebih hebat.

Walau bagaimanapun, abad ke-20 telah memperlihatkan bahawa orang Melayu merasakan mereka tidak mampu lagi mencabar penjajah dengan kekuatan fizikal. Di samping keadaan sosial dan ekonomi semasa yang mula berubah setelah bertiupnya angin modenisasi yang dihembuskan oleh para industrialis-kapitalis, para aristokrat Melayu (yang selalunya menjadi pemimpin utama gerakan) juga telah mula mendapat perhatian yang baik dari pihak Inggeris. Sesuai dengan semangat zamannya, benih-benih baru nasionalisme Melayu bermula dengan kebangkitan aliran pemikiran dan kesedaran yang dipelopori oleh golongan yang berpendidikan, di mana mereka banyak berusaha untuk mengubah sosio-ekonomi masyarakat (Roff 1967). Hal yang demikian juga telah menjadikan penentangan bersenjata kurang relevan. Silat dalam keadaan ini akhirnya dinafikan fungsinya sebagai pembakar semangat nasionalisme


dan penyuluh perjuangan. Hasil percaturan penjajah, silat mengambil tempat sebagai institusi taraf kampung yang kegunaannya untuk dipertontonkan ketika majlis keraian dan keramaian sahaja. Situasi ini kekal sehingga sekarang (Wan 2008).

Sebelum Perang Dunia Kedua lagi, penyebaran dan pengilmuan silat dikatakan merosot akibat tekanan penjajah dan keadaan-keadaan semasa yang menjadikan ia terhad untuk dipelajari (Tuan 1991, Aziz 1992). Sungguhpun begitu, ia mungkin juga berpunca daripada kelemahan semangat orang Melayu dan kerendahan mutu silat itu sendiri pada waktu tersebut (Abu 1973). Gelanggang silat sering dijadikan medan perlawanan dan beradu tenaga hanya kerana hendak mencari harta dan kemasyhuran, bukan lagi sebagai saluran penghubung kekuatan nasionalisme perjuangan bangsa. Di sini, etos tekniknya bukan lagi berpusat pada keupayaan tempur yang realistik, tetapi ia lebih kepada persiapan untuk hiburan dan permainan. Walau bagaimanapun, keperitan pendudukan Jepun ke atas Tanah Melayu dan tekanan situasi zaman darurat yang dilalui oleh orang Melayu selepas itu, ternyata berjaya memberikan asas yang cukup untuk membolehkan silat kembali kepada keadaan yang asal, iaitu sebagai ilmu tempur yang dapat dimanfaatkan dalam situasi sukar yang sebenar.

Meor Abdul Rahman dan Pembentukan Aliran Seni Gayong

Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Mohd Hashim telah dilahirkan di Kampung Lake Garden, Taiping, Perak pada 21 Ogos 1915. Seawal usia 12 tahun, beliau mempelajari silat yang dinamakan sebagai Sendi Harimau daripada datuk sebelah ibunya, iaitu Syed Zainal bin Syed Idris al-Attas yang juga merupakan seorang penghulu di Pekan, Pahang pada waktu itu (Abdul A. 1975, Sheppard 1972).⁴ Setelah tamat persekolahan di Sekolah Teknik Ipoh (*Ipoh Technical School*) beliau berhijrah ke Singapura mencari pekerjaan pada tahun 1938. Meor Abdul Rahman berjaya mendapat pekerjaan sebagai tukang pateri di Berek Gillman, sebuah pengkalan tentera laut British di Woodlands. Dengan memiliki kepakaran silat, beliau kemudian dilantik sebagai jurulatih kombat (*combat*

⁴ Keterangan lanjut mengenai Meor Abdul Rahman boleh dibaca menerusi artikel 'Saya Sering Dibelasah' dalam *Pendekar*, Okt. 1989, hlm. 6-7.



Gambar 1: Dato Meor Abdul Rahman bin Daing Uda Muhammad Hashim (sumber: <http://pssgm-gayong.blogspot.com/2010/01/amanat-dato-meor-abdul-rahman.html>, dilayari pada 20 Jan 2015).

instructor) tentera laut British pada tahun 1939 sehingga kemasukan Jepun ke Singapura.

Apabila Jepun menawan Singapura, Meor Abdul Rahman melarikan diri ke Pulau Sudong, iaitu sebuah pulau kecil yang sedikit penghuninya di selatan Singapura. Pelarian beliau ke pulau itu telah membolehkan ia mengasaskan sistem silat yang dinamakan seni gayong, dan kemudian mensabotaj kegiatan-kegiatan tentera Jepun di bahagian selatan Singapura. Oleh kerana itu, beliau telah dikurniakan pingat King George VI pada 1947. Antara sekitar tahun 1950-an sehingga 1980-an, Meor Abdul Rahman mengembangkan aliran silatnya secara sepenuh masa dengan mengembara ke seluruh Malaysia. Pada tahun 1971, beliau telah menerima darjah kebesaran Dato' Paduka Chura Simanjakini (DPCM) daripada oleh Sultan Perak. Meor Abdul Rahman meninggal dunia di Hospital Pakar Ipoh pada 23 Jun 1991 dalam usia 76 tahun, dan dikebumikan di Air Kuning, Perak (Sheikh 2005).

Meor Abdul Rahman telah mengajar seni gayongnya secara tergesa-gesa kepada beberapa orang pemuda di Pulau Sudong pada 17 Februari

1942 (Abdul Samad, 1958). Beliau dan beberapa orang pemuda yang dipilih itu telah berusaha mengawal kemaraan tentera Jepun daripada mendarat ke Pulau Sudong. Dengan tindakan beraninya itu, Meor Abdul Rahman telah dikurniakan Pingat King George VI oleh Kerajaan Inggeris pada tahun 1947. Apabila beliau memasuki perkhidmatan keselamatan Singapura pada tahun 1949, seni gayong telah dapat diperkenalkan pula kepada rakan-rakan beliau di Bahagian Siasatan Jenayah. Hal ini ditambah pula dengan nama baiknya sebagai seorang jurulatih kombatan laut British di Kor Semboyan Tentera Laut British yang berpangkalan di Woodlands sebelum Perang Dunia Kedua (Saiful 2009). Antara pelatih-pelatih seni gayong yang awal ialah Mansor Fadal, Ahmad Suni, Joned Hanim, Salim, Hosni Ahmad, dan juga pemuda-pemuda yang berkhidmat sebagai askar British seperti Nordin Abdul Rahman dan Sidek. Mereka merupakan generasi pertama yang mempopularkan seni gayong sehingga beberapa gelanggang berjaya dibuka seperti di Bakar Sampah, Red Hill, Kampung Ubi, Belestiar Road, Kampong Melayu dan Slim Avenue. Gelanggang-gelanggang itu mendapat perhatian daripada penduduk Melayu yang berada di sekitarnya (Onn 1998c).

Inisiatif Meor Abdul Rahman yang dianggap sebagai titik tolak populariti seni gayong ialah menerusi persembahan terbuka di Dewan Peringatan Victoria (*Victoria Memorial Hall*), Singapura pada bulan Oktober 1957 (Abdul S. S. 1958). Buat pertama kali, masyarakat umum melihat seni gayong sebagai sejenis silat yang memiliki elemen beladiri sepenuhnya dengan aksi yang menggerunkan. Aksi yang sama kemudian telah dipersembahkan pada Malam Kebudayaan di Melaka. Usaha-usaha Meor Abdul Rahman itu telah menerima reaksi hangat menerusi media-media cetak. *Utusan Zaman* bertarikh 13 Oktober 1957 pernah menulis, “seni silat gayong ini sungguh menarik hati, penuh kengerian dan kehebatan”. Pada masa yang sama, aliran beliau juga mula dikritik dalam beberapa majalah seperti *Mastika*, *Utusan Zaman* dan *Utusan Film dan Sport* sejak awal tahun 1958. Ada di antara pengkritik-pengkritik itu meragui keaslian seni gayong dan menganggap ia hanyalah percubaan untuk mengkacukkan silat dan judo (Berjat 1958).⁵ Meskipun begitu, kritikan-kritikan itu kemudian mereda secara beransur-ansur.

⁵ Lihat ulasan Berjat menerusi artikel ‘Seni Silat Gayong Bukan Seni Silat Melayu Asli’ dalam *Mastika*, April 1958. Beliau tidak bersetuju dengan Meor Abdul Rahman yang mendakwa silatnya daripada Hang Tuah dan zaman Kerajaan Melayu Melaka.

Pada akhir tahun 1957 juga, Tengku Laksamana Kedah, iaitu Tengku Kassim telah menemui Meor Abdul Rahman di Singapura dan meminta seni gayong diajarkan kepada penduduk-penduduk negeri Kedah (Abdul A. 1975). Dengan itu sebagai permulaan, seramai 43 orang ahli rombongan seni gayong telah datang mengadakan persembahan di Kelab Sukan Sultan Abdul Hamid, Alor Setar. Persembahan tersebut telah memberikan kesan luar biasa terhadap populariti seni gayong. Ternyata bahawa perkenalan di antara Meor Abdul Rahman dengan Tengku Kassim memberikan impak yang besar dalam memperkenalkan seni gayong di Tanah Melayu. Tidak berapa lama selepas itu, banyak gelanggang dibuka melalui usaha promosi secara besar-besaran yang dimulakan di Kedah, dan akhirnya ia merebak ke negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan sehingga sampai ke Johor (Sheppard 1972, Zainuddin 1969).

Sementara itu pula, pertemuan Meor Abdul Rahman dengan Dato' Onn Jaafar telah membuka jalan bagi usaha memoden dan memajukan seni gayongnya. Menerusi pakatan dengan Dato' Onn, usaha mendaftarkan seni gayong sebagai sebuah persatuan silat dilakukan sejak tahun 1959, di mana tokoh pengasas UMNO itu telah bertindak selaku penasihat dan penggubal perlembagaan pertubuhan. Pada tahun 1963, setelah melalui beberapa halangan, akhirnya seni gayong telah bertapak sebagai pertubuhan silat yang pertama didaftarkan (Hashim 1990).⁶ Ia menggunakan nama Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia (PSSGM) dengan menggantikan nama Sekolah Gayong Woodlands, Singapura yang dibentuk sejak tahun 1959. Dengan itu, PSSGM menjadi badan ulung yang menggerak dan mempromosikan silat Melayu menerusi aliran seni gayong secara profesional sehingga ke peringkat antarabangsa.⁷

⁶ Ia didaftarkan di Johor Bahru dengan nombor pendaftaran 361/1963 dan pejabat pertamanya di Jalan Yahya Awal. Menurut Nordin Abdul Rahman, ketika seni gayong ingin didaftarkan, Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman menolak pendaftarannya kerana menganggap ia sebuah pertubuhan siasah, apatah lagi Dato' Onn juga berada dalam pertubuhan tersebut. Penggunaan perkataan 'pertubuhan' seolah-olah menggambarkan suatu parti politik yang ingin menakluk negara. Tunku juga berpendapat demikian kerana terdapat ura-ura bahawa ahli gayong terlibat dalam pakatan melatih orang-orang Patani untuk memerdekakan diri daripada Siam, lihat Onn (1998c).

⁷ Promosi di peringkat antarabangsa yang pertama dilakukan menerusi persembahan silat seni gayong di Expo 70' di Osaka, Jepun selama dua minggu. Ekspo Osaka bermula pada 15 Mac - 13 September 1970 (lihat *Berita Harian*, 1970).

Apabila meletus Peristiwa 13 Mei 1969, ramai orang Melayu menyertai silat di bandar-bandar dan PSSGM telah menerima banyak penyertaan ahli. Sejak tahun 1970 juga, sayap Pemuda Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah berminat dengan PSSGM (Shaharuddin 1984).⁸ Ramai di antara pemimpin mereka turut serta dalam pertubuhan ini. Malah Tun Abdul Razak sendiri selaku Perdana Menteri Malaysia ketika itu turut dilantik sebagai penasihat agung Majlis Tertinggi Adat Istiadat Gayong pada Mac 1975. Sehingga tahun 1970, lebih daripada 50 ribu orang telah menyertai aliran beliau (Sheppard 1972). Justeru, sejak pertengahan tahun 1970-an sehingga sekarang, aliran seni gayong telah popular dalam pertubuhan belia, sektor awam dan swasta, institusi pengajian tinggi dan sekolah. Cawangan-cawangan PSSGM di peringkat negeri dan daerah telah berjaya diwujudkan hampir ke seluruh negara.

PSSGM merupakan persatuan silat pertama di Malaysia yang melakukan usaha pemodenan silat Melayu dari segi pengurusan pentadbiran dan juga pemakaian silibus pelajaran. Kepentingan pemodenan ini disedari sejak awal oleh Meor Abdul Rahman untuk membolehkan alirannya disampaikan secara berkesan dan mampu menarik minat segenap lapisan masyarakat. Tambahan pula, sejak penghujung 1960-an, alirannya telah mendapat saingan daripada beberapa persatuan baharu seperti Silat Cekak dan Silat Lincak yang telah mula dikembangkan secara profesional.⁹ Selepas Dato' Onn bertindak sebagai perancang utama pentadbiran dan perlembagaan pertubuhan, usaha tersebut diperkukuhkan lagi oleh seorang tokoh penting organisasi PSSGM, iaitu Haji Razali Salleh. Melalui usaha-usaha yang dijalankan, Meor Abdul Rahman menjadikan pejabat PSSGM Selangor (di bawah pentadbiran

⁸ Meor Abdul Rahman menyatakan semangat silat muncul pada peringkat ketiga iaitu melalui Peristiwa 13 Mei. Beliau ingin menjadikan PSSGM sebagai pasukan simpanan negara (Abdul A. 1975). Bagi Razha (1990), silat merupakan suatu perlambangan emosi dan sentimen bangsa Melayu, sebab itu ia mendapat dukungan daripada UMNO, di mana kepentingannya boleh melahirkan suatu sentimen umum tentang nasionalisme atau patriotisme Melayu. Ia selaras pula dengan cita-cita parti itu sendiri.

⁹ Silat Lincak diperkenalkan pada tahun 1965, manakala Silat Cekak pada tahun 1970. Sehingga tahun 1975, dianggarkan terdapat 100 ribu ahli Seni Gayong, manakala Lincak seramai 20 ribu orang (lihat Abdul A. 1975). Untuk Lincak dan Cekak, sila lihat Shaharuddin (1984) dan Amruddin (1998).

Haji Razali) sebagai ibu pejabat. Dengan adanya ibu pejabat ini, seni gayong telah berjaya dipromosi dan digerakkan hingga peringkat antarabangsa. Sehingga kini, seni gayong telah bertapak di United Kingdom, Kuwait, Perancis, Amerika Syarikat, Australia dan Mauritius (Sheikh 2005).

Meor Abdul Rahman dan Pemahamannya Tentang Silat

Pengertian 'Seni'

Seni beladiri boleh dikatakan sebagai suatu cara pergaduhan dan 'seni' bertempur untuk mempertahankan diri daripada ancaman fizikal (Green 2001). Oleh itu, kaedah-kaedah tertentu yang sesuai dengan prinsip dan falsafah tempur perlu diasah untuk memperoleh suatu peringkat yang boleh dikatakan sebagai mahir dalam 'seni' pergaduhan itu. Menurut Anuar (1996), silat di sebalik pengertian 'seni' tempur ini tidak menekankan aspek kesenian dan pergerakan rampai yang teliti tetapi mementingkan ketepatan bertindak dengan pergerakan minimum. Silat dalam konteks ini diertikan sebagai 'pukulan' atau 'buah' (pergerakan) yang mengambil kira tentang cara menangkis serangan dan seterusnya cara menghukum lawan. Istilah pukulan atau buah dengan erti kata lain menunjukkan tentang keupayaan teknikal dan konsep tempur orang Melayu. Bagi Meor Abdul Rahman, keupayaan ini berada pada peringkat yang paling asas. Ia tidak boleh dikompromi kerana konsep tempur itu sendiri – pada suatu tahap tekniknya – yang mentakrifkan sifat dan fungsi silat mengikut alirannya yang tersendiri (Draeger 1974).

Dengan demikian, wujud suatu pemahaman yang agak berbeza tentang persoalan 'seni'. Secara umum, seni dapat diertikan sebagai suatu ilmu yang tersusun, bersistematik dan berfungsi yang dicipta oleh daya fikiran manusia (Tuan 1991b). Silat berada dalam konteks seni dengan adanya rampaian gerak yang sistematik, di mana ia pada masa yang sama mempamerkan kehalusan nilai estetika (Ku & Wong 1978). Walau bagaimanapun, pengertian 'seni' yang diertikan oleh Meor Abdul Rahman dalam aliran seni gayongnya adalah berbeza dengan pengertian 'estetika' seni silat itu sendiri, oleh kerana pelaksanaan 'seni'nya lebih menumpukan aspek taktikal. Istilah 'seni silat' lebih mendekati tafsiran Ku Ahmad dan Wong (1978) dan Anuar (1996) mengenai kehalusan, kelembutan dan

perihal gerak laku estetika silat Melayu. Sebaliknya, tafsiran seni bagi Meor Abdul Rahman pula adalah seni yang menyempurnakan sesuatu teknik pukulan. Seni ini adalah ‘cara’ yang betul dan jitu bagi menghukum lawan supaya teknik tersebut benar-benar berkesan apabila dikenakan ke atas lawan (Davies 2001).¹⁰ Penekanan tentang konsep ‘seni’ dalam teknik tempur ini juga menyebabkan kenapa Meor Abdul Rahman menamakan alirannya sebagai ‘silat seni gayong’ dan bukan ‘seni silat gayong’ – iaitu dalam konteks hendak memperlihatkan bahawa maksud ‘seni’ pada ‘seni gayong’ itu sama sekali berbeza dengan apa yang ditanggapi oleh umum berhubung kesenian dalam ‘seni silat’ itu sendiri (Abdul A. 1975, Abdul S. S. 1958, Draeger 1974).

Pengertian ‘Gayong’

Perkataan ‘gayong’ atau ‘gayung’ selalu difahami sebagai alat untuk mencedok air, selain dimaksudkan dengan tongkat yang digunakan sebagai senjata ataupun pukulan.¹¹ Walau bagaimanapun, istilah ‘bergayung’ dapat pula dikaitkan dengan perlakuan bersilat atau bertikam. Terdapat juga peribahasa Melayu yang menyebut ‘gayung bersambut kata bersahut’ yang bermaksud ‘mengelakkan serangan musuh’. Sehubungan itu, mungkin apa yang diterangkan dalam takrifan berikut boleh memberikan pemahaman yang mudah berhubung maksud ‘gayung’ dalam silat Melayu:

Silat umumnya pembawaan bunga-bunga tarian pelajaran gayung, maka gayung merupakan buah sebenar yang mengandungi hikmat-hikmat sakti, kepantasan luarbiasa, kepintaran mengelirukan, yang terkandung dalam gerak semulajadi iaitu pergerakan pantas secara automatik.

(Hoo 1973: 1)

¹⁰ Davies menyatakan aliran tradisi mengalami masalah dalam pelaksanaan teknik yang kurang memuaskan kerana tiada persediaan fizikal yang betul. Hal ini menjadikan teknik tidak efektif dan menyebabkan pesilat “...will fail to make the right tactical judgement.” Perkara ini juga dikritik oleh Meor Abdul Rahman berhubung silat-silat tradisional yang hanya menekankan tentang aspek tari semata-mata (lihat Onn 1998c).

¹¹Perkataan ‘gayong’ atau ‘seni gayong’ di sini digunakan sebagai kata nama khas yang mewakili Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia seperti tertera dalam pendaftaran pertubuhannya. Perkataan ‘gayung’ dan ‘gayong’ hanyalah perbezaan ejaan lama dan baru.

Secara berlebih-kurang, pernyataan di atas dapat memberikan suatu penjelasan bahawa gayung merupakan suatu aspek dalam silat Melayu, iaitu ilmu pukul ataupun cara untuk menyerang balas musuh. Justeru, maksud ini lebih dekat dengan konsep buah yang menekankan elemen mempertahankan diri daripada serangan musuh dengan cara yang sebenar (realistik). Konsep buah (tempur) yang sebenar inilah yang ditekankan oleh Meor Abdul Rahman dalam aliran seni gayongnya (Onn 1998c).

Walau bagaimanapun, selaras dengan konsep tempur tersebut, Meor Abdul Rahman memperdalamkan lagi makna gayung secara khusus. Menurut beliau, makna gayung terkandung dalam perkataan 'gayung' itu sendiri yang berasaskan huruf jawi iaitu 'g' (گ) 'a' (ا) 'y' (ي) 'w' (و) dan 'ng' (ڠ). Huruf 'ga' membawa kata 'genggam', iaitu menggenggam amanah yang diberikan dengan penuh tanggungjawab. Huruf 'a' pula dimaksudkan dengan kata 'angkat', iaitu mengiktiraf ilmu gayong ke peringkat tertinggi dengan menjunjung amanah guru, taat kepada suruhan Tuhan, dan menjaga ketuanan Melayu (Saiful 2009). Sementara itu, huruf 'y' mewakili perkataan 'yakin', iaitu menurut fahaman bahawa seni gayong yang diturunkan itu adalah diyakini, di mana setiap pelatih hendaklah yakin mengamalkannya (Sheikh 2005). Huruf 'w' pula bererti 'waras', iaitu memiliki pertimbangan rasional dalam membuat keputusan termasuk ketika bertempur. Huruf terakhir, iaitu huruf 'ng' mewakili perkataan 'ngeri'. Di sini, ngeri menjadi suatu elemen penting dalam konsep tempur seni gayong. Dengan 'ngeri', seluruh teknik seni gayong diperlihatkan menerusi sikap kasar dan robos dalam usaha untuk memberikan kegerunan dan kegentaran pada hati musuh. Meor Abdul Rahman juga memahami bahawa apabila keseluruhan pengertian itu dicantumkan, ia akhirnya melengkapkan falsafah serta matlamat utama seni gayong, di mana aliran itu akan bertindak sebagai 'suatu angkatan padu yang waras (tetapi) menggerunkan yang akan bangun mempertahankan negara daripada segala rupa ancaman' (Hashim 1990).

Aplikasi Konsep Meor Abdul Rahman

Berdasarkan pengertian tersebut, dapat dilihat bahawa perkataan 'genggam' dan 'angkat' sebenarnya mewakili sikap dan pandangan tradisional Melayu yang berhubung dengan konsep kesetiaan, kepatuhan

dan hormat kepada mereka yang berada di atas – seperti ibubapa, guru, dan juga pemimpin. Meor Abdul Rahman amat menekankan sikap taat setia, keberanian dan kebijaksanaan dalam meletakkan pelatih-pelatih gayong pada tahap yang sepatutnya. Hal ini secara ideal mempamerkan contoh sikap yang perlu ada bagi seorang pahlawan atau pendekar Melayu (Razha 1990). Seorang pahlawan atau pendekar Melayu yang diamanahkan dengan seni gayong, diasuh untuk merasai kewajiban ‘taat’ (jangan derhaka) dan kewajiban ‘mempertahankan hak’ kebenaran dengan penuh rasa berani dan bertanggungjawab. Di sini, beliau meletakkan asas jati diri Melayu dan patriotisme sebagai asas kontstruksi silat Melayu. Orang berpendidikan silat seharusnya berani, di samping bertanggungjawab pada agama, bangsa dan negara, serta berjiwa pemimpin (Abdul A. 1975, 1975b).

Sementara itu, perkataan ‘yakin’, ‘waras’ dan ‘ngeri’ pula memperlihatkan suatu konotasi beladiri dalam seni gayong, iaitu keyakinan yang dibentuk berasaskan kepada ilmu yang telah dipelajari dan dimahirkan menerusi pertimbangan akal yang saksama serta ditonjolkan dengan aksi yang menggerunkan. Keyakinan ini adalah perlu untuk mencapai realiti tempur yang sebenar (Champ 2004). Meor Abdul Rahman dalam hal ini sentiasa berusaha untuk memperkemas sukatan pelajaran dan mempertingkatkan tahap keberkesanan tempur teknik-tekniknya (Draeger 1974). Dalam penekanan ini, beliau menerapkan pelajaran khusus seperti *close-combat*, iaitu cara mematahkan serangan musuh jarak dekat dalam masa tiga saat, latihan penggunaan pelbagai jenis senjata tajam dan juga taktik mengatasi senjata api jarak dekat.¹² Beliau mengurangkan penggunaan muzik, meminimakan gerak tari dan melatih pelajarnya menggunakan senjata tajam yang sebenar bagi memastikan realiti pergaduhan tercapai dalam latihan.

Pada masa yang sama, Meor Abdul Rahman menekankan kepentingan senaman dan latihan jatuhan. Bagi beliau, teknik jatuhan sangat penting untuk dipraktikkan ketika dipukul bagi mengelakkan

¹² Lihat Onn (1998, 1998b). Namun begitu, asas kepada pelajaran seni gayong ialah kunci yang dipelajari oleh Meor Abdul Rahman daripada datuknya Syed Zainal bin Syed Idris al-Attas, di mana ia dipecahkan kepada beberapa bahagian melalui modifikasi beberapa pergerakan. Gerakan-gerakan asas tersebut merangkumi juga tempur jarak dekat dan elemen-elemen lain yang berciri semasa.

kecederaan yang lebih serius. Penggunaan latihan jatuhan itu menyebabkan sesetengah pihak menuduh beliau mencampurkan ilmu judo dalam silat Melayu (Berjat 1958). Namun begitu, Grimberg (1974) ketika menyaksikan latihan seni gayong mendapati bahawa gerakan lompatan, jatuhan, dan gulingan yang dilakukan oleh pelatih seni gayong berbeza daripada sistem beladiri Jepun. Satu lagi elemen baharu yang diterapkan oleh Meor Abdul Rahman ialah jeritan 'kiai' atau pelepasan suara yang keras ketika mengaplikasi teknik tempur atau ketika mempamerkan demonstrasi silat. Jeritan dengan sebutan bunyi 'zat' itu bertujuan untuk mengeraskan semangat serta untuk mengukuhkan perpaduan pelatih-pelatih seni gayong. Menurut Ku Ahmad dan Wong (1978), penggunaan jeritan yang keras tiada dalam silat, sebaliknya ia divedok daripada sistem karate. Hal yang demikian memperlihatkan bahawa Meor Abdul Rahman dalam rangka memperkemas konsep tempurnya tetap mempertimbangkan adaptasi teknik dan kaedah pengajaran beladiri asing dengan matlamat untuk memberikan kebaikan pada silat Melayu.

Konsep tempur seni gayong ternyata memberikan beberapa sentuhan baharu pada silat, sehingga ia dapat menarik perhatian golongan muda. Hal ini terkhusus pula menerusi pelaksanaan teknik tempurnya yang keras itu, dengan sikap jatuhan, lompatan serta gulingan yang agresif, dan disertai pula jeritan padu yang membakar semangat. Sebelum seni gayong diperkenalkan, khalayak umum tidak pernah melihat aksi tempur berbahaya menggunakan senjata sebenar dengan kaedah beladiri yang realistik (Anon. 1989, Azlan 2006). Konsep tempur seni gayong benar-benar berbeza daripada silat-silat lain pada masa awal kemunculannya ketika itu, yang lebih menekankan aspek tari dan langkah. Selain itu, penampilan pelatih-pelatih seni gayong juga dianggap lebih nampak hebat dengan pakaian seragam yang berwarna hitam, bengkung, tanjak serta memiliki sandang-sandang tertentu.

Tarikan dan perhatian tersebut diperkuatkan lagi dengan karismatik Meor Abdul Rahman sendiri. Beliau sebenarnya boleh dianggap sebagai terkeluar daripada prinsip-prinsip seorang guru tradisional yang menekankan falsafah 'timba cari pergi' – yang kebanyakan diamalkan oleh guru-guru silat ketika itu. Malah Meor Abdul Rahman juga memiliki pandangan-pandangan tertentu terhadap keadaan sosial masyarakat, iaitu

dalam erti kata untuk membentuk disiplin golongan muda, dan tidak sekadar 'mengajar' silat. Golongan muda, menurut beliau perlu dibekalkan dengan kemahiran dan disiplin tinggi beladiri, serta dididik dengan semangat nasionalisme yang kental (Abdul A. 1975). Hal ini kerana golongan mudalah yang akan menjadi asas dan tonggak pembinaan patriotisme dan penyatuan bangsa.

Gagasan Meor Abdul Rahman

Gagasan Meor Abdul Rahman dilihat sangat mementingkan keupayaan tempur aliran beladirlinya, dalam usaha untuk mengangkat kedudukan silat itu sendiri. Beliau mengkritik sistem silat yang jumud dengan amalan-amalan tradisi. Latihan bercorak lama yang sukar diuji praktik keberkesannya itu, hanya menjadikan setiap teknik dan taktik yang dipelajari gagal digunakan sepenuhnya untuk menumpaskan lawan. Meor Abdul Rahman menampilkan banyak pendekatan dan kaedah untuk mengatasi kelemahan tersebut, di mana beliau dalam kes ini telah mengolah 349 'seni' (kaedah pukulan) menerusi pecahan-pecahan pergerakan teknik tertentu sama ada menggunakan tangan kosong atau bersenjata. Beliau juga menekankan senaman dan latihan-latihan fizikal yang keras untuk melasak dan menguatkan anggota badan. Draeger (1974) yang pernah membuat pemerhatian secara langsung terhadap pelaksanaan teknik seni gayong berpendapat bahawa silat itu cukup realistik dengan keperluan tempur semasa, di samping adanya senaman pemanasan badan, cara gulingan dan jatuhan, teknik gelutan tempur jarak dekat. Menurutnya lagi, seni gayong banyak menekankan aplikasi pelbagai jenis senjata untuk mencapai realiti pergaduhan.

Dari suatu sudut yang lain, usaha untuk memperbaharui makna silat sebagai sejenis sistem tempur yang praktik amat dititikberatkan kerana pemahaman terhadap isi utamanya berkait rapat dengan ketinggian ilmu dan kehormatan bangsa Melayu. Silat, menurut aliran seni gayong dicita-citakan agar dapat membentuk patriotisme pemuda-pemuda Melayu. Hal ini dilakukan dengan menanamkan kesetiaan menerusi pantang-larang, meningkatkan rasa kecintaan kepada adat istiadat Melayu dan latihan fizikal yang keras bagi membina ketahanan diri dan keberanian (Draeger 1974). Bagi Meor Abdul Rahman, perkembangan silat dipengaruhi oleh situasi konflik yang meruncing; iaitu pada zaman Jepun,

zaman Darurat dan Peristiwa 13 Mei, di mana keadaan ini menandakan orang Melayu perlu berada di bawah satu payung bagi menghadapi sebarang kemungkinan (Abdul A. 1975). Oleh hal yang demikian, bersama falsafah penyatuan "...segayong, sekendi, seperigi, seminum, sejalan, sedarah, sedaging, sepadu...", seni gayong diharapkan dapat menjadi benteng pertahanan dan penyatuan (Hashim 1990: 31). Seni gayong terus digembleng untuk dijadikan silat kebangsaan, dan Meor Abdul Rahman sentiasa menyeru pelatih-pelatihnya agar kekal bersatu di bawah satu pertubuhan. Dengan erti kata lain, Meor Abdul Rahman ingin menjadikan seni gayong sebagai asas pembinaan patriotisme dan penyatuan bangsa.

Meor Abdul Rahman melihat asas pembinaan jati diri Melayu dan patriotisme sebagai isi utama rekonstruksi dalaman silat Melayu. Silat dianggap mampu memupuk watak insan yang positif dan melahirkan konsep wira dalam diri seseorang menerusi latihan-latihan yang dapat menzahirkan semangat keberanian, kesetiaan kepada bangsa dan kesatriaan. Pada masa yang sama ia juga membentuk disiplin tinggi dalam memenuhi nilai-nilai kebudayaan, peraturan sosial dan kepercayaan masyarakat (Anuar 1987). Orang yang berpendidikan silat perlu memiliki sifat berani, bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara serta memiliki jiwa pemimpin yang berkualiti. Menurut Draeger (1974: 43), Meor Abdul Rahman sendiri adalah "...satu contoh kejantanan dan jiwa nasionalis yang segar di zaman kelesuan semangat kebangsaan...". Beliau dianggap oleh Draeger sebagai seorang yang bersemangat tinggi dan bercita-cita memperkenalkan silat ke seluruh dunia, berbeza dengan dukungan falsafah guru tradisi. Beliau ingin melatih pemuda-pemuda supaya dapat dibekalkan dengan kemahiran dan disiplin tinggi beladiri serta memiliki semangat nasionalisme yang kental (Abdul, 1975). Beliau juga beranggapan bahawa aliran seni gayongnya merupakan pasukan simpanan negara ketika darurat selepas tentera dan polis.

Di samping itu, Meor Abdul Rahman turut menekankan bahawa silat mempunyai tanggungjawab sosial. Dalam satu temuramah bersama Donn F. Draeger (1974) dan Abdul Ahmad dari *Dewan Masyarakat* (Abdul A. 1975, 1975b), beliau mengutarakan beberapa pandangan dalam usaha memperbaiki keadaan sosial golongan muda dan masyarakat melalui penghayatan terhadap pendidikan silat. Ia penting sebagai salah

satu cara untuk mengubah sikap anti-sosial dan berusaha untuk menarik kembali mereka yang 'tidak diterima' ke pangkuan masyarakat. Meor Abdul Rahman pernah menyatakan kepada Draeger (1974: 43) bahawa:

we feel that many of the so-called "bad" person can be brought back into a useful role for society. If such a bad person really wishes to be socially useful, he is given the chance to prove himself, and, at a later date, he may be accepted into our organization.

Hal yang demikian secara tidak langsung, jelas dapat memperlihatkan bahawa Meor Abdul Rahman berusaha untuk mengembalikan peranan pendidikan silat sebagai agen sosialisasi dan pendidikan tidak formal bangsa Melayu dalam bentuk yang baharu.

Penutup

Secara sedar atau tidak, seni beladiri Melayu yang dipanggil silat pernah menjadi alat sosialisasi yang berperanan sebagai sistem pendidikan jasmani dan rohani bangsa. Namun begitu, silat sentiasa mengalami pasang surut akibat tekanan daripada faktor-faktor tertentu. Selepas Perang Dunia Kedua, silat telah mengalami era pembaharuannya sehingga berjaya dikembangkan di pentas nasional. Salah satu elemen pembaharuan ini ialah timbulnya pemahaman tentang ciri tempur realistik yang ada pada silat tersebut. Hal ini telah ditunjukkan oleh Meor Abdul Rahman dalam usaha untuk memperbaharui silat Melayu agar ia kompeten dengan situasi semasa, sesuai dengan tujuan hakikinya sebagai sistem beladiri. Pemikiran tentang konsep keberkesanan tempur dan patriotisme Melayu amat ditekankan oleh Meor Rahman kerana ia berkait dengan ketinggian ilmu dan kehormatan bangsa Melayu. Beliau dalam rangka meningkatkan taraf silat sangat mementingkan aspek keberkesanan tempur kerana ia mentakrif realiti pengetahuan dan kepakaran teknikal ilmu perang orang Melayu itu sendiri.

Dengan demikian, Meor Abdul Rahman cuba mengubah persepsi dan konsepsi tentang silat menerusi alirannya, iaitu dalam erti kata untuk mencapai makna silat dalam pakej yang asal sebagai ilmu tempur. Dalam proses itu, berlaku adaptasi pengetahuan, pengembangan dan pengubahsuaian ilmu yang sesuai dengan konteks semasa yang diselarikan

dengan sudut pandangan dan nilai kebudayaan Melayu. Rentetan daripada usaha Meor Abdul Rahman, maka terhasil beberapa pembaharuan sampingan seperti pengurusan persatuan dengan cara yang moden dan pengenalan silibus pelajaran yang sistematik. Usaha ini telah memberikan bekas kepada golongan muda pada waktu itu, di mana ia secara tidak langsung telah memberikan peluang kepada Meor Abdul Rahman sendiri untuk memupuk kembali ketinggian jati diri, semangat patriotisme dan heroisme dalam kalangan belia Melayu selepas merdeka.

Anjuran Meor Abdul Rahman menerusi seni gayong cuba memahami silat Melayu dalam konteks seni perang yang efisien. Beliau obses dengan kesempurnaan ilmu tempur orang Melayu. Dengan itu, beliau berusaha melonjakkan nama alirannya sendiri sebagai institusi ulung pengembang silat. Walau bagaimanapun, pada saat akhir hayat beliau, ternyata hasrat untuk melihat orang Melayu bersatu melalui seni gayong tidak tercapai. Malah aliran seni gayongnya sendiri yang diperkenalkan sejak tahun 1942 itu meskipun pernah melalui suatu tahap yang membanggakan, akhirnya telah berpecah setelah kematiannya. Namun begitu, aliran seni gayong Meor Abdul Rahman ternyata telah berkembang dengan pesat dan mendapat sambutan di seluruh dunia melalui usaha gigih dengan penuh dedikasi dan keberanian generasi muda yang diasuh oleh beliau.

Rujukan

- Aziz D. (1992). Silat: Perancangan dan Pembangunan. *Dewan Budaya*, 14(6) 41-42.
- Abdul R.I. (2008). *Seni Silat Melayu: Sejarah Perkembangan dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul S. S. (1958). Seni Silat Gayong Sebagaimana yang Diterangkan oleh Meor Abdul Rahman. *Mastika*, Mac, 13-16.
- Abdul A. (1975). Seni Silat di Zaman Kemajuan: di Mana Tempatnya. *Dewan Masyarakat*, 15(10) 5-8.
- . (1975b). Silat Melayu Dalam Persaingan. *Dewan Masyarakat*, 15(10) 3-4.

- Abu J. M. J. (1973). Silat-silat Melayu di Malaysia yang Sudah Saya Lihat. Kertas kerja dibentangkan dalam *Konvensyen Seni Silat Melayu Malaysia Pertama*, 12-14 Julai di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Amruddin B. (Ed.). (1998). *Silat Cekak Hanafi Peneraju Warisan Mutlak*. Kuala Lumpur: Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi Malaysia.
- Anon.(1989). Gayong Pikat Pemuda Arab. *Pendekar*, Sept. & Okt (edisi khas) 46-8.
- Anuar A. W. (1987). Sejarah dan Perkembangan Silat di Malaysia: Cabaran Masa Kini. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Sehari Silat Sempena Kejuaraan Silat Sedunia ke IV* pada 5 Disember di Auditorium Arkib Negara, Kuala Lumpur.
- _____. (1996). *Silat Olabraga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2008). *Silat: Sejarah Perkembangan Kurikulum Silat Melayu Tradisi dan Pembentukan Kurikulum Silat Malaysia Moden*. Kajang: Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia.
- Azlan G. (2006). Ayah Sor Takkan Derhaka Pada Guru. *Seni Beladiri*, 6(102) 4-9.
- Berita Harian. (1970, 24 Julai). Silat dan Tarian Untuk Perayaan di-Expo 70, 5.
- Berjat. (1958). Seni Silat Gayong Bukan Seni Silat Melayu Asli. *Mastika*, April, 38-40, 50.
- Champ, J. (2004). Finding the Animal Intent in Gayong. *Seni Beladiri*, 83(10) 38-39.
- Davies, P.H.J. (2001). Identity, Continuity and Silat: Some Dilemmas for Cultural Continuity in a Time of Rapid Change. Kertas kerja dibentangkan dalam *Simposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia: Isu dan Cabaran Abad ke 21* pada 22-24 Julai, di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Draeger, D.F.(1972). *Weapons and Fighting Arts of the Indonesian Archipelago*. Tokyo: Charles E. Tuttle Company Incorporation.
- . (1974). Silat Seni Gayung. *Martial Arts International*, 1(2) 41-43.
- Farrer, D.S. (2009). *Shadow of the Prophet: Martial Arts and Sufi Mysticism in Malaysia*. New York: Springer.
- Green, T.A. (Ed.). (2001). *Martial Arts of the World: An Encyclopedia*. St. Barbara: ABC-CLIO.
- Grimberg, M.L. (1974). *Some Games of Asia*. Singapore: Asia Pacific Press Limited.
- Hashim A. G. (1990). *Silat Seni Gayong Malaysia*. Latihan Ilmiah Jabatan Penulisan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ho B. K. (1973). Seni Silat Melayu Kelantan. Kertas kerja dibentangkan dalam *Konvensyen Seni Silat Melayu Malaysia Pertama*, pada 12-14 Julai, di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Kassim A. (Ed.) (1995). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ku A. K. M. & Wong K. K. (1978). *Silat Melayu: The Malay Art of Attack and Defense*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohd Y. H. & Aruna G. (1992). *Tradisi Pensejarahan Pahang Darul Makmur*. Petaling Jaya: Tempo Publication.
- Onn M. J. (1998). *Dato' Meor Abdul Rahman dari Kaca Mata Dato' Ismail Jantan, Gurulatih Tertinggi PSSGM Melaka*. Dalam *Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia Universiti Malaya*, di <http://member.tripod.com/onnjadi/ismail.1.html>. Dilyari pada 17 Jun 2006).

- _____. (1998b). *Mahaguru Dato' Meor Abdul Rahman dari Kacamata Cikgu Hj. Harun Hj. Salleh*. Dalam *Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia Universiti Malaya*, di <http://member.tripod.com/onnjadi/harun.html>. Dilayari pada 17 Jun 2006.
- _____. (1998c). *Mahaguru Dato' Meor Abdul Rahman dari Kacamata Cikgu Nordin Abdul Rahman, Gurulatih Tertinggi PSSGM Perlis Indera Kayangan*, di <http://members.tripod.com/onnjadi/nordin1>. Dilayari pada 17 Jun 2006.
- Razha R. (1990). Martial arts and the Malay Superman. Dalam Wazir Jahan Karim, (Ed.) *Emotions of Culture a Malay Perspective*, (hlm. 64-95). Singapore: Oxford University Press.
- Roff, W. R. (1967). *The Origin of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Saiful F. J. (2009). Upacara Adat dalam Silat Seni Gayong Malaysia: Kajian Kes Bagi Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia Negeri Melaka. Latihan Ilmiah Jabatan Sosio-Budaya Melayu yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Shaharuddin M. (1984). *Concept of a Hero in Malay Society*. Petaling Jaya: Eastern Universities.
- Sheikh S. S. S. (2005). *The Malay Art of Self-defense Silat Seni Gayong*. Berkeley: North Atlantic Books.
- Sheppard, M. (1972). *A Royal Pleasure Ground: Malay Decorative Arts and Pastimes*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tsunashima, S. (2004). *Perubahan Peranan dan Fungsi Institusi Persilatan Melayu di Semenanjung Malaysia*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Tuan I. T. H. (1991). *Seni silat Melayu Dengan Tumpuan kepada Seni Silat Sekebum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- _____. (1991b). Seni Silat Melayu: Warisan dan Cabaran Abad ke-21. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Kebangsaan Silat Melayu* pada 20-23 Julai, di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Wan M. D. W. H. (2008). Meor Rahman dan Pemodenan Silat Melayu. *Dewan Budaya*, 30(8) 20-21.
- Zainuddin B. (1969, Oktober 6). Silat Gayong Sekarang Ada 100,000 Murid. *Berita Harian*, 9.